



Baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful myTerm.

Sila juga pastikan anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Apakah pelan ini?

Takaful myTerm merupakan pelan takaful bertempoh yang akan membayar manfaat sekali gus jika berlaku kematian atau Keilatan Menyeluruh dan Kekal (KMK) ketika tempoh perlindungan.

Pelan ini tidak mempunyai sebarang nilai tunai.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Pelan ini menggunakan konsep-konsep Syariah berikut:

- Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah pelan ini, peserta menderma sebahagian sumbangan ke dalam Akaun Khas Peserta (AKP) untuk membantu peserta-peserta lain.
- Wakalah** merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak lain untuk menjadi wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara-perkara yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa dikenakan bayaran. Di bawah pelan ini, peserta memberi kuasa kepada syarikat untuk menguruskan AP, Akaun Manfaat Terjamin (AMT) dan AKP dan sebagai balasan, syarikat akan menerima yuran Wakalah.
- Qard** merujuk kepada sebuah kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar jumlah penggantian yang sama kepada pemberi pinjaman. Di bawah pelan ini, syarikat akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam AKP tanpa faedah jika AKP mengalami defisit.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Pelan ini melindungi:

- Kematian akibat semua sebab – RMxx; dan
- KMK akibat semua sebab – RMxx.

Tempoh perlindungan: <> tahun

4. Berapakah caruman yang perlu saya bayar?

Anggaran jumlah caruman yang perlu anda bayar ialah RM xx setahun (kadar setiap RM1,000 jumlah dilindungi adalah RM xx).

Tempoh pembayaran caruman: <> tahun atau sehingga berlaku kejadian yang dilindungi, yang mana terlebih dahulu.

Nota:

- Kadar caruman adalah berbeza mengikut umur dan jantina peserta, tempoh perlindungan dan jumlah dilindungi.
- Amaun caruman adalah tetap sepanjang tempoh perlindungan (iaitu tidak akan meningkat mengikut umur peserta). Walau bagaimanapun, kadar caruman adalah tidak terjamin.

5. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
Yuran Wakalah / Yuran Pentadbiran	30% daripada caruman tahunan

6. Apakah sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

Sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat penting yang patut anda ketahui adalah:

- Tanggungjawab Pendedahan** - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon pelan ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk tidak membuat pernyataan yang salah semasa anda menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau semasa anda memohon pelan ini). Anda mesti menjawab soalan-soalan dengan sepenuhnya dan setepatnya. Kegagalan untuk mengambil langkah yang sewajarnya dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan semasa anda menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau semasa anda memohon pelan ini), anda juga dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam borang cadangan (atau semasa anda memohon pelan ini) tidak tepat atau sudah berubah.



- b. **Tempoh Penelitian Percuma** – Terdapat tempoh penelitian percuma selama lima belas (15) hari kalendar dari tarikh penghantaran halaman maklumat e-sijil untuk anda meneliti dan membuat keputusan sama ada anda mahu meneruskan pelan ini. Jika anda tidak mahu meneruskan pelan ini, anda boleh membatalkan sijil dan mendapatkan bayaran balik penuh untuk caruman yang telah anda bayar.
- c. Untuk memastikan perlindungan yang berpanjangan di bawah pelan ini, caruman anda akan ditolak secara automatik setiap tahun daripada kad debit / kredit yang anda pilih.
- d. **Tempoh Tangguh** – Anda mempunyai tiga puluh (30) hari dari tarikh pembayaran caruman (termasuk) untuk membayar setiap caruman yang matang. Sekiranya caruman tidak dibayar pada akhir tempoh tangguh, sijil anda akan luput.
- e. **Kuat Kuasa Semula** – Jika sijil anda telah luput disebabkan caruman yang tidak dibayar, anda boleh kuat kuasakan semula sijil anda pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh luput, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan oleh kami.
- f. Anda mesti melantik penama dan memastikan penama anda mengetahui berkenaan penyertaan anda di dalam pelan ini.
- g. Pelan ini diedarkan tanpa sebarang perantara.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil yang terdapat di www.takaful-malaysia.com.my untuk senarai lengkap terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini

7. Apakah pengecualian utama bagi pelan ini?

Pelan ini tidak melindungi yang berikut:

- kematian disebabkan bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam masa satu (1) tahun daripada tarikh kuat kuasa atau sebarang tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian;
- KMK yang telah wujud pada tarikh kuat kuasa atau tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian; atau
- KMK disebabkan cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan ketika waras atau tidak waras.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil yang terdapat di www.takaful-malaysia.com.my untuk senarai lengkap pengecualian di bawah pelan ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa selepas tempoh penelitian percuma lima belas (15) hari kalendar. Perlindungan anda akan tamat pada tarikh matang caruman yang seterusnya dimana anda tidak perlu membuat sebarang caruman selanjutnya. Tidak ada pengembalian caruman jika pembatalan dilakukan selepas tempoh penelitian percuma.

9. Apa yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi / butiran untuk menghubungi saya?

Adalah penting bagi anda untuk mengemaskini di dalam portal myTakaful Customer atau memaklumkan kami tentang sebarang perubahan butiran untuk menghubungi anda untuk memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada masa yang ditetapkan.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan takaful perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada mengenai 'Takaful Perubatan & Kesihatan' yang terdapat di semua cawangan kami atau layari www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Unit Perkhidmatan Pelanggan (CSU)

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)]

Tingkat 14, Blok Annex, Menara Takaful Malaysia

No.4, Jalan Sultan Sulaiman

50000 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 1-300 88 252 385

Emel: csu@takaful-malaysia.com.my



11. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang disediakan:

Sila layari laman web kami di <https://online.takaful-malaysia.com.my/>

NOTIS PENTING:

ANDA MESTILAH BERPUAS HATI BAHAWA PELAN INI BERSESUAIAN DENGAN KEPERLUAN ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI PELAN INI DAN MENGHUBUNGI KAMI TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan di dalam helaian penerangan produk ini adalah sah pada Oktober 2020.